

Sekolah Menengah Han Chiang
Ujian Kemasukan, Tahun 2023
Bahasa Malaysia

Tarikh: 1 Oktober 2022

Masa: 11:40am – 12:20pm

Arahan kepada calon

1. Kertas ini mengandungi 30 soalan objektif. Jawap semua 30 soalan dalam kertas ini. Bagi setiap soalan, pilih jawapan yang betul atau yang paling tepat. Kemudian hitamkan ruang berkenaan pada kertas jawapan "O" dengan pensel 2B.
2. Sebelum menjawab soalan, tulis nama, nombor indeks dan nama sekolah rendah anda pada muka depan kertas peperiksaan.
3. Pelajar tidak dibenarkan membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan.
4. Kertas ini mengandungi 5 halaman bercetak.

未经正式宣布 不得翻阅内页
Jangan Buka Kertas Soalan Ini Sehingga Diberitahu

考生姓名: (中文)

Nama Calon: (Chi) _____

考生姓名: (英文)

Nama Calon: (Eng) _____

考生编号:

No. Indeks: _____

小学学校名称:

Nama sekolah rendah: _____

Sekolah Menengah Han Chiang , Ujian Kemasukan, Tahun 2023

Soalan 1 hingga soalan 20

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai :

1. “Bolehkah pergi ke tandas, cikgu?” tanya Swee Leng dan Swee Mei kepada Cikgu Ong.
A.kamu B.kami C.mereka D.kita
2. akan mencemar duli untuk melawat projek pembangunan di negeri naungan.
A.Hamba B.Patik C.Beliau D.Baginda
3. Ketua kami akan masuk ke pejabat pada masa sahaja.
A.apa-apa B.mana-mana C.siapa-siapa D.bila-bila
4. kawasan tanah rendah di pekan itu dinaiki air berikutan hujan lebat malam tadi.
A.Seluruh B.Separuh C.Semua D.Segala
5. Karim memancing udang itu dengan menggunakan se mata kail yang halus.
A.pucuk B.naskhah C.bentuk D.laras
6. Azli dan rakan-rakannya berehat di sungai.
A.antara B.pinggir C.sisi D.luar
7. Renungan Cikgu Hasri menyebabkan saya berasa gementar.
A.rancak B.gentar C.tajam D.lincah
8. Anak yatim itu akan kasih sayang seorang ibu kerana ibunya sudah meninggal dunia sejak dia dilahirkan.
A.dahaga B.kasih C.cinta D.tangis
9. Setiap murid mematuhi etika pakaian ketika berada di kawasan sekolah.
A.mesti B.pernah C.boleh D.selalu
10. Pelajar itu rajin membersihkan kelasnya.
A.nian B.agak C.terlalu D.betul
11., malang sungguh nasibku!
A.Oh B.Aduhai C.Amboi D.Cis
12. anak-anak, dengarlah nasihat ibumu!
A.Aduh B.Eh C.Wahai D.Nah
13. Abang saya menjadi syarikat itu kerana kejujuran dan kesetiaannya.
A.anak emas B.anak dagang C.anak angkat D.anak tiri
14. Setelah tiga minggu, Ali kehilangan minat bermain bola tidak seperti minggu pertama dia menyertai pasukan itu. Kegigihannya ibarat
A.hangat-hangat tahi ayam B.biar lambat asalakan selamat
C.umpama wau terputus tali D.bagaimana rupa, begitulah bayangnya

Sekolah Menengah Han Chiang , Ujian Kemasukan, Tahun 2023

15. Hati ibu bagai apabila kakak mengeluarkan kata-kata tajam terhadapnya.
A.wau putus talinya
C.dihiris dengan sembilu
B.buang yang keruh, ambil yang jernih
D.bagai aur dengan tebing
16. Cikgu Halim tidak mahu menerima apa-apa alasan Azman yang selalu lewat ke kelas.
A.lah
B.pun
C.kah
D.memang
17. Wai Heng bukan sahaja pandai malahan berbudi bahasa dengan orang yang lebih tua.
A.hanya
B.pun
C.tah
D.juga
18. Anak-anak tidak boleh derhaka orang tua.
A.akan
B.untuk
C.dengan
D.terhadap
19. Ketua rumah menjemput tetamunya masuk ke dalam rumah.
Pilih perkataan **sinonim** bagi menjemput.
A.meninggal
B.mempelawa
C.menantang
D.mengasuh
20. Penduduk negara itu hidup sengsara semasa berlaku perang saudara.
Pilih perkataan **antonim** bagi sengsara.
A.cacian
B.hancur
C.sempurna
D.bahagia

Soalan 21 hingga soalan 25

Pilih jenis ayat yang sesuai

21. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.
“Jumlah pelajar yang hadir ke kelas tambahan Bahasa Melayu pada hari ini adalah sebanyak 25 orang,” kata Halim kepada cikgu.
A.Berapakah orang pelajar yang menghadiri kelas tambahan Bahasa Melayu pada hari ini?
B.Adakah 25 orang pelajar ini menghadiri kelas tambahan Bahasa Melayu pada hari ini?
C.Jumlah pelajar yang menghadiri kelas tambahan Bahasa Melayu ini 25 orang?
D.Apakah yang dihadiri oleh pelajar-pelajar pada hari ini?
22. Pilih **ayat seruan** yang sesuai.
A.Cis, sakitnya kakiku!
C.Aduhai, kamu sudah berjaya!
B.Syabas, sanggup awak menipu saya!
D.Amboi, cantik sungguh baju awak!
23. Pilih **ayat penyata** yang sesuai.
A.Berapakah harga nasi itu?
C.Tolong siapkan kerja sekolah.
B.Bukit Merah terletak di Negeri Perak.
D.Wah, besarnya rumah awak!

Sekolah Menengah Han Chiang , Ujian Kemasukan, Tahun 2023

24. Pilih **ayat perintah** yang sesuai.

- A. Jemputlah hadir ke majlis perkahwinan anak saya nanti.
- B. Cikgu Lim ialah guru Bahasa Melayu di kelas saya.
- C. Cadangannya tidak perlu kita pedulikan.
- D. Adik kamukah itu?

25. Pilih **ayat nafi** yang sesuai.

- A. Lelaki yang berbaju merah itu tidak ayah saya.
- B. Sungai di belakang rumah saya itu tidak dalam.
- C. Anjing itu tidak garang tetapi suka bermain.
- D. Melepak di pusat beli-belah itu bukan memberi sebarang faedah.

Soalan 26 hingga soalan 30

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan berikut:

Kita semua tahu bahawa kebanyakan orang menonton televisyen adalah untuk mengisi masa lapang. Persoalannya, adakah kita sedar tentang pengaruh buruk televisyen terhadap kanak-kanak? Kanak-kanak sangat mudah terpengaruh dan **meniru** adegan-adegan yang ditonton oleh mereka. Hal ini kerana mereka masih belum dapat membuat perbezaan terhadap perkara yang baik dengan yang buruk. Kebelakangan ini, televisyen sering menayangkan cerita-cerita seram, sedih, dan ganas.

Semasa menonton adegan-adegan yang penuh dengan ketegangan, keganasan atau kekejaman, kanak-kanak akan mengalami ketegangan fikiran dan seterusnya mereka akan dilanda perasaan takut. Sebenarnya, adegan yang ganas, kejam dan sebagainya tidak patut ditonton oleh mereka. Sebaliknya, terdapat banyak cerita yang boleh dipertontonkan kepada mereka seperti cerita-cerita kartun yang bertemakan sifat murni, siri dokumentari sains dan sebagainya yang bercorak pengetahuan.

26. Berikan maksud perkataan untuk "**meniru**" (baris ketiga).

- A. mencontohi
- B. mempengaruhi
- C. memuat
- D. mewarisi

27. Berdasarkan petikan, apakah tujuan kebanyakan orang menonton rancangan televisyen?

- A. untuk menjalin hubungan dengan keluarga.
- B. untuk melepaskan kebosanan.
- C. untuk mengisi masa senggang.
- D. untuk bersukaria.

28. Mengapakah kanak-kanak sangat mudah terpengaruh dan meniru adegan-adegan yang ditonton oleh mereka?

- A. kerana mereka masih mentah tentang adegan-adegan tersebut.
- B. kerana kebanyakan mereka berotak beku.
- C. kerana mereka masih belum dapat membuat perbezaan terhadap perkara yang baik dengan buruk.
- D. kerana kebanyakan adegan tidak memberitahu tentang sesuatu keburukan watak atau cerita.

Sekolah Menengah Han Chiang , Ujian Kemasukan, Tahun 2023

29. Berikut merupakan adegan-adegan yang baik **kecuali** :
- A.cerita-cerita yang bersifat murni
 - B.filem yang penuh dengan adegan keganasan
 - C.siri-siri dokumentari
 - D.tayangan yang bercorak pengetahuan
30. Bagaimanakah ibu bapa membantu anak-anak mereka daripada dipengaruhi oleh adegan tayangan yang buruk ?
- A.menemani anak-anak menonton televisyen dan memberi tunjuk ajar kepada mereka.
 - B.menemani anak-anak sambil membaca majalah atau surat khabar di sisi mereka.
 - C.membiarkan anak-anak mereka belajar sendiri tentang kebaikan dan keburukan adegan filem.
 - D.menemani anak-anak mereka menonton televisyen sambil bergelak ketawa bersama mereka.

~~~Tamat~~~